

*Buku Inisiatif
Zakat Pulau Pinang*

ZAKAT
PULAU PINANG



Inner front cover



Buku Inisiatif Zākat Pulau Pinang ini diterbitkan oleh :

Bahagian Komunikasi Korporat, Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif, Zākat Pulau Pinang.

Kemaskini Terkini 2024



Sekapur Sireh

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

Syukur Alhamdulillah kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah izinNYA, Buku Inisiatif Zakat Pulau Pinang ini dapat diterbitkan.

Buku ini merupakan himpunan aktiviti kutipan dan agihan yang dilaksanakan oleh Zakat Pulau Pinang, MAINPP. Saya percaya dengan penerbitan buku ini, sedikit sebanyak masyarakat dapat mengetahui bagaimana diuruskan kutipan dan agihan zakat di negeri Pulau Pinang. Saya berharap maklumat ini dapat memberi manfaat kepada yang membacanya.

Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada ZPP, MAINPP di atas pelaksanaan pelbagai Inisiatif yang memberi banyak manfaat kepada masyarakat terutamanya kepada Muzakki dan Mustahik.



Harapan saya, dengan pelbagai program yang diatur, masalah kemiskinan di negeri Pulau Pinang dapat dinobatkan dan kita ingin melihat penerima zakat ini menjadi pembayar zakat pula di masa hadapan. Insha-Allah

Semoga ZPP, MAINPP, dapat meneruskan khidmat bakti cemerlang ini demi kelestarian dan kesejahteraan ummah di Pulau Pinang. Sekian, terima kasih.

YB Dato' Dr Mohamad bin Abdul Hamid
Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang
Merangkap Yang Dipertua Majlis Agama Islam Pulau Pinang
dan Pengurus Lembaga Pengarah Zakat Pulau Pinang

Zakat
Pulau Pinang
*Amanah Ummah Dijaga
Hak Asnaf Dibelia*





Logo Pertama



Logo Kedua



Logo Terkini



Kronologi Penubuhan As-Sahabah Urus Zakat Sdn. Bhd.

- Okt 1993** Pegawai Kewangan Negeri, Y.B Dato' Mohd Sahar bin Sidek telah membentang kertas cadangan berkaitan penubuhan syarikat milik penuh (100%) MAINPP bagi urusan pungutan zakat di Pulau Pinang
- Jun 1994** Syarikat tersebut mula didaftarkan dengan nama As-Sahabah Urus Zakat Sdn Bhd (302434-A) (ASUZSB) dengan modal berbayar RM1.02 juta.
- Sept 1994** Mermulakan operasi kutipan zakat sepenuhnya dengan menggunakan nama Pusat Urus Zakat atau ringkasnya PUZ di No 65, Jalan Selat, Taman Selat, Butterworth.

Mac 1999 MAINPP menyerahkan tugas dan tanggung-jawab mengagihkan zakat termasuk Zākat Fitrāh kepada PUZ.

Jen 2005 Ibu pejabat PUZ dipindahkan ke No 4, Jalan Perda Selatan, Bandar Perda, Bukit Mertajam (Bangunan Milik ASUZ).

April 2012 Penjenamaan semula Pusat Urus Zakat kepada Zākat Pulau Pinang.

2023 Sehingga kini, terdapat seramai 120 orang kakitangan diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif dan 15 orang Ahli Lembaga Pengarah.



Visi & Misi

Visi MENGUNGGLI USAHA MEWUJUDKAN KESEIMBANGAN SOSIO-EKONOMI UMMAH MELALUI SISTEM PENGURUSAN ZAKAT YANG PROFESIONAL DAN BERTEKNOLOGI.

- Misi**
1. Kami menyediakan perkhidmatan berkualiti bagi memudahkan urusan pembayaran dan pengagihan zakat secara efisien, telus dan efektif
 2. Kami komited untuk sentiasa memastikan agar amanah muzakki dijaga dan hak asnaf dibela melalui pendekatan maqasid syariah.
 3. Kami beriltizam untuk memperkasa asnaf menerusi skim bantuan zakat yang bukan sahaja mampu memberikan kemudahan kehidupan malah mengubah mereka menjadi pembayar zakat masa hadapan.
 4. Kami berazam mengangkat martabat profesion amil selaras dengan petunjuk Al-Qur'an dan Hadith.



Kaunter Perkhidmatan Zakat



- > Menyediakan kemudahan kepada masyarakat untuk berurusan dengan Zakat Pulau Pinang seperti memohon bantuan dan menunaikan zakat.
- > Terdapat lapan kaunter perkhidmatan zakat di seluruh Negeri Pulau Pinang iaitu :
 - Ibu Pejabat Bandar Perda
 - Kaunter cawangan George Town
 - Kaunter cawangan Kepala Batas
 - Kaunter cawangan Balik Pulau
 - Kaunter cawangan Nibong Tebal
 - Kaunter cawangan Ayer Itam
 - Kaunter cawangan Bayan Baru
 - Kaunter cawangan Butterworth



Perkhidmatan Kaunter Bergerak

- > Memudahkan masyarakat untuk berurus dengan Zakat Pulau Pinang di lokasi strategik supaya ZPP dapat 'turun padang' menyantuni masyarakat.
- > Lokasi seperti pasar awam, kariah masjid, Wisma Persekutuan, pejabat kerajaan, pasar tani, pusat perniagaan dan lain-lain tempat tumpuan masyarakat.



Kaunter Luar & Pameran



- > Sebagai alternatif kepada kaunter tetap ZPP dalam menyebarluaskan maklumat kepada masyarakat dan peluang berurusan dengan ZPP.
- > Kaunter luar dan pameran ZPP boleh diadakan atas inisiatif ZPP maupun jemputan pihak luar.



'Ops' Niaga

- > 'Ops' Niaga merupakan aktiviti Skuad Zakat turun ke lokasi terpilih untuk berjumpa secara terus dengan para peniaga. Kebiasaananya lokasi yang dipilih merupakan kawasan tumpuan orang ramai seperti pasar, pasar malam, kompleks perniagaan, medan selera serta lokasi yang mempunyai jumlah premis perniagaan yang tinggi.
- > Selain peniaga, Skuad Zakat turut menjadikan orang ramai / pengunjung sebagai sasaran operasi. Antara aktiviti adalah seperti mengedarkan risalah zakat. Kempen dan dakwah cara ini membolehkan ZPP lebih dekat dengan masyarakat.



Serahan Zakat Korporat



- > Serahan zakat korporat atau zakat perniagaan dilakukan oleh syarikat korporat, koperasi dan bank atau sebarang perniagaan bagi haul yang telah ditetapkan.
- > Zakat ini wajib dikeluarkan hasil daripada harta perniagaan sama ada berdasarkan pembuatan, pembekalan, perkhidmatan atau sebagainya dengan tujuan diperniagakan.



Pengurusan Pusat Hemodialisis Zakat (PHZ)

- > Ditubuhkan bagi membantu asnaf dalam mendapatkan rawatan dialisis secara percuma. Kos rawatan ditanggung sepenuhnya oleh ZPP.
- > Kini lapan cawangan PHZ seperti berikut :
 - Butterworth
 - Balik Pulau
 - Permatang Rawa
 - Nibong Tebal
 - Kepala Batas
 - George Town
 - Tasek Gelugor
 - Bayan Lepas
- > Peruntukan pengurusan tahunan berjumlah *RM 6,986,707.00 (2023).

* tertakluk pada perubahan



Inapan Kasih Sayang



- > Inapan Kasih Sayang (IKS) ditubuhkan bertujuan membantu anak-anak asnaf mendapat pendidikan yang lengkap dan sempurna melalui penyediaan penginapan yang kondusif, kemudahan belajar, tuisyen, pembiayaan yuran dan wang saku, pakaijan seragam sekolah serta aktiviti-aktiviti yang dijalankan.
- > Kemudahan yang disediakan seperti kelas tuisyen, kelas agama, perpustakaan mini, bilik komputer dan sebagainya.
- > Penghuni terdiri daripada anak-anak asnaf tahun 4, 5 dan 6.
- > Lokasi kompleks terletak di Pongsu Seribu.
- > Perbelanjaan tahunan berjumlah
 *RM 2,313,659.00.

* tertakluk pada perubahan



Pusat Latihan Zakat (PULAZA)

- > PULAZA merupakan pusat latihan setempat yang lengkap dengan pelbagai kemudahan bagi pembangunan umat Islam khususnya di Negeri Pulau Pinang.
- > Menyediakan tempat kursus dan latihan kepada asnaf yang menerima bantuan zakat.
- > Terletak di Pantai Aceh, Balik Pulau.
- > Perbelanjaan tahunan berjumlah *RM 400,000.00.

* tertakluk pada perubahan



Zakat Mart



- > Sebagai pusat pengumpulan dan pengedaran setempat Produk Usahawan Asnaf Zakat (PUAZ).
- > Merupakan rangkaian kedai serbaneka 16 jam yang menyediakan peluang pekerjaan serta ilmu perniagaan kepada asnaf.
- > Terdapat 3 lokasi iaitu di Taman Gelugor Indah, Tasek Gelugor dan di Balik Pulau.



Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)

- > Merupakan Institusi Pengajian Tinggi di Pulau Pinang milikan penuh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) yang mendapat tajaan Zakat Pulau Pinang.
- > KITAB berperanan mewujudkan pendidikan bersepadu meliputi intelek, rohani dan jasmani bagi melahirkan insan yang seimbang, harmonis dan berakhhlak mulia untuk memenuhi keperluan tenaga kerja dalam pembinaan generasi umat dan pembangunan negara.
- > Peruntukan tahunan berjumlah
 *RM 5,800,000.00.

* tertakluk pada perubahan



Kompleks Darul Hidayah (Saudara Baru)



- > Merupakan kompleks penginapan dan pusat latihan muallaf yang menempatkan golongan muallaf yang tiada tempat untuk berlindung serta pusat mempelajari Agama Islam yang lebih tersusun, kondusif dan komprehensif.
- > Pelbagai aktiviti keagamaan diadakan contohnya kelas fardhu ain, kelas mengaji Al-Quran dan sebagainya.
- > Lokasi terletak di Permatang Tok Gelam, Butterworth.
- > Peruntukan pengurusan tahun 2023 berjumlah RM 1,164,718.00 / Peruntukan muallaf RM 3,216,770.00.



Tadika Islam

- > Tadika Islam atau dikenali TADIS telah mula beroperasi sejak 1998 di bawah selian Bahagian Pendidikan JHEAIPP. Pada masa kini, terdapat sebanyak 15 buah TADIS.
- > TADIS adalah milik penuh Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP) dan kos pengurusan @ pentadbiran adalah ditanggung sepenuhnya oleh ZPP, dengan peruntukan tahunan sebanyak *RM 870,000.00.

* tertakluk pada perubahan



Kelas Persediaan Belajar (Preparation Class)



- > Prep Class adalah merupakan kemudahan tempat yang disediakan oleh ZPP bagi pelajar yang tidak mempunyai tempat mengulangkaji dan membuat kerja sekolah. Tumpuan kepada kawasan penempatan yang kurang kemudahan antaranya di flat dan kawasan tertentu.
- > Prep Class ini diwujudkan dengan kerjasama daripada pihak Jawatankuasa Kariah Masjid / Surau (Setakat ini terdapat 4 buah pusat dengan pelajar seramai 242 orang).
- > Tenaga pengajarnya terdiri daripada guru-guru sekolah dan mereka yang berkelayakan. Mereka ini dibayar eluan berdasarkan jumlah jem penyeliaan. Tempoh kelas adalah selama 3 jam bermula 8.00 - 10.00 malam.
- > Antara kemudahan yang disediakan adalah seperti perabot asas, bayaran bil utiliti, makanan dan minuman dengan nilai peruntukan tahunan berjumlah *RM 155,000.00.

* tertakluk pada perubahan



Projek Peladang Usahawan Asnaf Nanas

- > Projek kerjasama Zakat Pulau Pinang (ZPP), Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Wakaf Pulau Pinang dan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia.
- > 6 orang asnaf telah terpilih untuk projek yang menasarkan tanaman kira-kira 100,000 pokok nanas di atas tanah Wakaf Masriyah yang berkeluasan 12 ekar di Kampung Teluk Wang, SPT. Selain menerima eluan bulanan, asnaf terpilih turut diberi latihan bagi menjadi pengusaha tanaman nanas apabila tamat projek ini nanti.
- > Projek ini diharap dapat memberi latihan kepada asnaf terpilih bagi membangunkan diri serta keluarga agar mampu berdikari dan menjadi seorang pembayar zakat yang menyumbang pula kepada pembangunan asnaf lain suatu masa kelak.



Projek Fertigasi Asnaf (Timun)



- > Zakat Pulau Pinang mengambil inisiatif melaksanakan Pusat Latihan Asnaf melalui Projek Fertigasi Asnaf dengan kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Pulau Pinang.
- > Program ini bertujuan mengaplikasi dan menyebar luas penggunaan teknologi terkini dalam bidang pertanian kepada belia asnaf untuk menjadi usahawan tani.
- > Projek ini diusahakan di atas tanah wakaf, MAINPP di Kampung Telok Wang, Ara Kuda seluas satu (1) ekar dengan mengusahakan tanaman timun sebanyak satu ribu (1,000) unit polybag.
- > Projek ini melibatkan dua (2) orang peserta yang terpilih dari kalangan belia asnaf.
- > Peruntukan tahunan berjumlah RM 180,000.00.



Kompleks Darul Hanan

- > DARUL HANAN PULAU PINANG adalah sebuah badan NGO yang ditubuhkan pada awal tahun 2009 di bawah naungan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dan mula beroperasi pengambilan penghuni pada bulan Februari tahun 2010.
- > Kompleks Darul Hanan ini dibina di bawah pembelaan Yayasan Al-Bukhari bernilai RM13 juta di atas tanah Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) sebagai tempat jagaan dan perlindungan warga emas beragama Islam yang memerlukan khususnya untuk golongan asnaf.
- > Kompleks ini boleh menampung seramai 200 orang dan sehingga kini jumlah penghuni adalah seramai 66 orang termasuk lelaki dan wanita.
- > Peruntukan pengurusan tahun 2023 berjumlah RM 3,000,000.00.
- > Lokasi kompleks terletak di Lot 2695, Mukim 6, Pongsu Seribu, 13200 Kepala Batas, Pulau Pinang.



Skim Sarahidup (Kewangan Bulanan)



- > Skim bantuan ini bertujuan meringankan bebanan kewangan golongan Fakir dan Miskin yang memerlukan bantuan saraan kewangan yang tetap setiap bulan.
- > Jumlah bantuan bagi seorang penerima diantara RM 400.00 - RM 2,500.00 sebulan
- > Peruntukan tahunan berjumlah *RM 21,980,000.00.

* tertakluk pada perubahan



Skim Sarahidup (Makanan Bulanan)

- > Skim ini bertujuan untuk meringankan bebanan kewangan golongan Fakir dan Miskin yang memerlukan bantuan saraan yang tetap setiap bulan dalam bentuk barang keperluan harian.
- > Jumlah bantuan bagi seorang penerima adalah RM 200.00 sebulan
- > Peruntukan tahunan berjumlah *RM 1,900,000.00.

* tertakluk pada perubahan



Skim Perumahan ZPP



- > Skim ini bertujuan untuk menyediakan tempat tinggal yang selesa kepada Asnaf Fakir dan Miskin. Inisiatif ini merupakan salah satu penyelesaian masalah miskin tegar di negeri Pulau Pinang dengan menyediakan kediaman baru serta membaik pulih rumah sedia ada kepada Fakir / Miskin.
- > Nilai bagi sebuah rumah baharu berjumlah RM 80,000.00 dan RM 22,000.00 untuk baik pulih rumah.
- > Peruntukan pengurusan tahun 2024 berjumlah RM 4,816,000.00.
- > Pada tahun 2023, ZPP mensasarkan akan membina 28 buah rumah Skim Inapan Kasih untuk asnaf yang berkelayakan dan membaik pulih 90 buah rumah asnaf.



Skim Bencana Alam

- > Skim ini bertujuan untuk meringankan beban sementara yang ditanggung oleh individu yang terlibat dengan bencana alam dan musibah seperti kebakaran dan ribut dan sebagainya yang menyebabkan kerosakan atau kemusnahan harta benda.
- > Jumlah bantuan diantara RM 1,000.00 – RM 8,000.00 bergantung pada kerosakan.
- > Peruntukan tahun 2024 berjumlah *RM 510,000.00.

* tertakluk pada perubahan



Skim Rawatan dan Perubatan



- > Skim ini bertujuan untuk membantu meringankan beban golongan Fakir dan Miskin yang tidak mampu bagi menampung pembayaran kos perubatan sama ada di pusat perubatan kerajaan ataupun swasta.
- > Contoh bantuan termasuk membekalkan peralatan kesihatan, membantu pesakit penyakit kronik dan membantu mengurangkan kos pembedahan pesakit.
- > Perbelanjaan tahunan berjumlah *RM 8,144,000.00.

* tertakluk pada perubahan



Skim Khas Nur Ramadhan & Aidilfitri

- > Adalah merupakan skim khas yang diberi sempena menyambut kedatangan bulan Ramadhan dan Aidilfitri kepada asnaf fakir dan miskin.
- > Penerima bantuan program ini terdiri daripada penerima bantuan bulanan kewangan dan makanan Zakat Pulau Pinang dan fakir miskin yang dicadangkan oleh kariah.
- > Peruntukan tahunan berjumlah *RM 9,470,000.00.

* tertakluk pada perubahan



Skim Pembangunan Pendidikan



- > Menyediakan program-program khas dengan kerjasama agensi-agensi berkaitan bagi pembangunan pendidikan pelajar-pelajar Islam di Negeri Pulau Pinang.
- > Merupakan program kerjasama dengan agensi berkaitan seperti Akademi Binaan Negara (ABM), NAZA Akademi dan MyPAC. (Beberapa siri program kecemerlangan juga diadakan seperti Mutiara Program Didik Cemerlang Akademik (MPDCA), bengkel kecemerlangan akademik dan teknik menjawab peperiksaan).
- > Perbelanjaan tahunan berjumlah
*RM 3,620,000.00.

* tertakluk pada perubahan



Skim Permulaan IPT

- > Membantu meringankan beban para pelajar untuk menampung perbelanjaan awal kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi (IPTA / IPTS) dalam dan luar negara.
- > Kadar bantuan mengikut tahap pengajian bagi IPT dalam negara :

Sijil	-	RM 600.00
Diploma	-	RM 800.00
Ijazah	-	RM 1000.00
- > Kadar bantuan bagi pengajian luar negara RM 2,000.00
- > Peruntukan tahunan 2024 berjumlah *RM 4.2 juta.

* tertakluk pada perubahan



Skim Awal Persekolahān



- > Skim ini bertujuan untuk memberi bantuan kepada golongan asnaf Fakir dan Miskin yang mempunyai anak-anak yang belajar di sekolah rendah atau menengah agar tidak tercincir dalam pelajaran dan seterusnya meningkatkan taraf sosial keluarga.
- > Nilai bantuan di antara RM 400.00 hingga RM 2,500.00 mengikut tanggungan yang bersekolah.
- > Nilai bantuan bagi seorang pelajar RM 200.00 hingga RM 250.00.
- > Perbelanjaan tahunan berjumlah *RM 3,600,000.00.

* tertakluk pada perubahan



Skim Kelengkapan Persekolah

- > Skim ini bertujuan untuk meringankan beban ibubapa untuk membeli pakaian seragam dan peralatan persekolahan anak mereka.
- > Setiap keluarga diberi bantuan bernilai RM 150.00 seorang untuk ditebus di kedai yang dilantik ZPP.
- > Peruntukan tahunan berjumlah *RM 3,048,000.00.

* tertakluk pada perubahan



Saguhati Guru Agama & Guru Al-Quran



- > Bagi menghargai peranan besar Guru Agama & Al-Quran dalam masyarakat, Zakat Pulau Pinang, MAINPP setiap tahun menyediakan saguhati tunai kepada Guru Agama dan Guru Al-Quran sukarela.
- > ZPP memperuntukkan *RM 1,580,000.00 setiap tahun bagi menyediakan sumbangan ini.

* tertakluk pada perubahan



Perkhidmatan Klinik Bergerak

- > Klinik bergerak Waqaf An-Nur Zakat Pulau Pinang merupakan projek khas kendalian Jabatan Kelestarian dan Kesejahteraan Asnaf dengan kerjasama Hospital Pakar KPJ Penang dan Waqaf An-Nur Corporation.
- > Perkhidmatan klinik bergerak beroperasi 3 hari seminggu (Isnin, Selasa & Khamis) bermula jam 10:00 pagi hingga 4:00 petang. Pengoperasian klinik akan dikendalikan oleh seorang Pegawai Perubatan, Jururawat dan Pemandu Lori dimana lori berkenaan telah diubahsuai kepada fasiliti klinik bergerak yang mematuhi spesifikasi yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.



Program Rakan Grab

- > Program Rakan Grab Zakat Pulau Pinang merupakan program kolaborasi antara Zakat Pulau Pinang dan Syarikat Grab Malaysia dalam usaha meneroka inisiatif pemerkasaan asnaf melalui skim agihan zakat produktif.
- > Program ini bertujuan untuk memberikan peluang pekerjaan kepada golongan asnaf terutamanya golongan belia untuk menambah pendapatan melalui peningkatan permintaan penghantaran makanan, perkhidmatan dan barang melalui perkhidmatan e-hailing.



Skim Bantuan Keusahawanan

- > Skim Bantuan Keusahawanan membantu merangsang pertumbuhan usahawan dan perniagaan di bawah bimbingan Zakat Pulau Pinang sejak tahun 2019. Melalui Bahagian Keusahawanan Asnaf bantuan berbentuk modal pusingan, bantuan peralatan dan menyediakan kursus untuk memastikan usahawan mampu bergerak secara aktif dan progresif.
- > Keutamaan Zakat Pulau Pinang kepada usahawan yang mempunyai produk sendiri dan perniagaan yang mempunyai potensi-potensi untuk dimajukan terutamanya kepada usahawan-usahawan kecil dan sederhana yang sedia ada di Pulau Pinang.
- > Fokus utama pembangunan usahawan di Zakat Pulau Pinang adalah dengan memberi ilmu perniagaan melalui kursus perniagaan, pengurusan akaun, strategi pemasaran dan teknik pembungkusan produk untuk membina daya saing yang tinggi.
- > Pemantauan dari masa ke semasa menjadi fokus Zakat Pulau Pinang. Sepanjang tempoh 5 tahun ini (2019-2023) Zakat Pulau Pinang telah membelanjakan sebanyak RM 4,644,727.10 (4.7 juta) kepada hampir 1,644 orang penerima di negeri Pulau Pinang.
- > Peruntukan tahun 2024 adalah sebanyak RM 1,230,000.00 dan seramai 311 usahawan telah dibantu untuk melahirkan lebih ramai pembayar zakat di kalangan usahawan.



Skim Dermasiswa Pengajian



- > Skim Dermasiswa Pengajian disediakan untuk membantu kewangan mahasiswa / mahasiswi yang menuntut di institusi-institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh MQA dan Jawatankuasa Dermasiswa Pengajian dan Pendidikan ZPP sama ada di dalam atau luar negara peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana Muda Perubatan, Ijazah Sarjana (Master) dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD).
- > Terbuka kepada semua kursus yang memberi manfaat kepada agama dan masyarakat.

SKIM KAFALAH MAHABBAH

(Skim Khairat Kematian)



*Bayaran Zakat
minimum RM100,
Muzakki dan Mustahik
layak menerima RM1,000.00*

Skim Kafalah Mahabbah

Skim Kafalah ini merupakan satu skim khairat kematian atau satu tabung sumbangan ikhlas yang diberikan kepada waris pembayar zakat individu, pembayar zakat enterprise dan penerima bantuan kewangan bulanan zakat apabila berlaku kematian terhadap pembayar zakat dan penerima bantuan bulanan zakat di Pulau Pinang.

Objektif :

- Memberi perlindungan kepada waris pembayar atau asnaf penerima bantuan bulanan zakat bagi kematian biasa.
- Meringankan sedikit bebanan yang ditanggung kepada ahli waris apabila berlakunya kematian.
- Sebagai skim bantuan tambahan kepada asnaf penerima bantuan bulanan zakat.

Kadar Sumbangan Skim Kafalah Mahabbah Zakat Pulau Pinang

Manfaat yang akan diterima kepada waris pembayar zakat dan penerima bantuan bulanan sebanyak RM 1,000.00 setiap seorang.



**Zakat
Pulau
Pinang**

**Ibu Pejabat
Bukit Mertajam**



No. 4, Jalan Perda Selatan,
Bandar Perda,
14000 Bukit Mertajam.



Tel : 04-549 8088
Faks : 04-530 6466



George Town



No. 34, Lebuh Buckingham,
10200 George Town.



Butterworth



No. 65, Jalan Selat,
Taman Selat,
12000 Butterworth.



Kepala Batas



No. 2102,
Wisma Syeikh Abdullah Fahim,
13200 Kepala Batas.



Ayer Itam



d/a. Masjid Negeri
Pulau Pinang, Jalan Ayer Itam,
11500 Pulau Pinang.



Bayan Baru



No. 81, Tkt. Bawah,
Persiaran Mahsuri 1/3,
Sunway Tunas,
11900 Bayan Lepas.



Nibong Tebal



No. 40, Jalan Jawi Jaya 1,
Taman Jawi Jaya,
14200 Jawi.



Balik Pulau



No. 32 A-G,
Jalan Sungai Nipah,
11000 Balik Pulau.





*Amanah Ummah Dijaga
Hak Asnaf Dibelia*



**Zakat
Pulau
Pinang**
*Majlis Agama Islam
Negeri Pulau Pinang*



Amanah Ummah Dijaga Hak Asnaf Dibela



zakatpenang